


**PENYATA JAWATANKUASA
PILIHAN KHAS MENGENAI
PEMBASMIAN KEMISKINAN
(JPK-PEMBASMIAN
KEMISKINAN) BAGI DEWAN
NEGERI SELANGOR
BERKENAAN SKIM
SELANGOR FREE WATER
APARTMENT (SAFWA)**



PERYATAAN AWAK
PILIHAN KILAS MENGENAI
PEMBASTRIAN KEMISKINAN
GPK-PEMBASTRIAN
KEMISKINAN) BAGI DEWAN
NEGERI SELANGOR
BERKENAAN SKIM
SELANGOR TREE WATER
APARTMENT (SAFWA)

PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PEMBASMIAN KEMISKINAN (JPK-PEMBASMIAN KEMISKINAN) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERKENAAN SKIM SELANGOR FREE WATER APARTMENT (SAFWA)

1. PENDAHULUAN

Selaras dengan Peraturan 71 (1) – (5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan (JPK-Pembasmian Kemiskinan) dan menurut Peraturan Tetap 76 (1) – (6) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Penyata daripada Jawatankuasa Pilihan, maka Penyata ini disediakan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Kedua Penggal Kedua, Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Ketiga Belas Tahun 2014 pada 16 – 20 Jun dan 23-27 Jun 2014.

2. PROGRAM TUMPUAN JAWATANKUASA

JPK-Pembasmian Kemiskinan yang ditubuhkan oleh Dewan Negeri Selangor bagi meneliti keberkesanan dasar dan program-program pembasmian kemiskinan yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri secara fokus memilih dua program yang sedang dalam pelaksanaan iaitu dasar Pengurangan (Diskaun) Kadar Cukai Taksiran Kepada Pemilik Petak Pangsapuri Kos Rendah dan Skim *Selangor Free Water Apartment (SAFWA)*. Kedua-dua program ini adalah di bawah Program Merakyatkan Ekonomi Selangor dengan tumpuan “Hasil Negeri Untuk Rakyat”.

3. PENDENGARAN TERTUTUP

JPK-Pembasmian Kemiskinan telah mengadakan pendengaran tertutup pada 28 Mei 2014 (Rabu) bagi mendengar taklimat mengenai Skim SAFWA.

Hadir dalam pendengaran tertutup tersebut:

- | | |
|---|-----------|
| 1. Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib
(ADN Kawasan Hulu Kelang) | Pengerusi |
| 2. Y.B Puan Haniza binti Mohamed Talha
(ADN Kawasan Taman Medan) | Ahli |
| 3. Y.B. Puan Lai Nyuk Lan
(ADN Kawasan Sungai Pelek) | Ahli |

Jabatan yang dijemput adalah Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) dan taklimat disampaikan oleh Puan Norzaton Aini binti Mohd Kassim, Pengarah Eksekutif LPHS.

4. LATARBELAKANG

Skim SAFWA mula diperkenalkan pada bulan Jun 2010 dan terhad kepada pangsapuri kos rendah yang menggunakan meter air pukal. Di bawah Skim SAFWA, rebet air percuma diberikan pada kadar RM 11.40 bersamaan 20 meter padu pada kod 10 (kod meter air individu kediaman). Kediaman Pangsapuri Sri Tanjung, USJ 16 merupakan projek perintis Skim SAFWA yang melibatkan 1000 unit.

5. FAKTA

1. Penduduk pangsapuri kos rendah yang layak menerima pemberian rebet air percuma termasuk penduduk yang mempunyai unit kediaman jenis pangsapuri kos rendah, merupakan pemilik ataupun penyewa, menggunakan air pada kadar kod 17 atau kod 18 dan mempunyai baki rebet air percuma yang boleh digunakan untuk membayar tunggakan bil air terdahulu.
2. Pemberian rebet air percuma dipotong terus secara automatik daripada bil air penduduk mengikut amaun sebenar penggunaan air. Pemotongan tersebut adalah berdasarkan kadar maksimum RM 11.40 dan tunggakan bil air sekiranya terdapat lebih rebet air percuma.
3. Untuk Badan Pengurusan Bersama (JMB), pemberian rebet air percuma adalah berdasarkan kaedah Lapor & Dapat iaitu menggunakan Ringkasan Laporan Tuntutan Rebet Air Percuma. Butiran yang perlu disertakan termasuk jumlah tuntutan dan jumlah unit yang terlibat.

5. PERAKUAN LPHS

1. Pada keseluruhannya, prestasi tuntutan rebet air percuma di setiap kawasan PBT amat memuaskan. Jadual di bawah menunjukkan prestasi tuntutan pangsapuri kos rendah mengikut PBT setakat Mei 2014.

Bil	PBT	Bil Kawasan	Telah buat Tuntutan (Walaupun 1 Bulan Sahaja)	Belum Buat Tuntutan	%
1	MBSA	35	35	0	100
2	MPAJ	53	53	0	100
3	MPK	50	50	0	100
4	MPS	18	18	0	100
5	MPKj	19	19	0	100
6	MPSp	1	1	0	100
7	MDHS	1	1	0	100
8	MBPJ	30	29	1	97
9	MPSJ	26	25	1	96
10	MDKL	4	3	1	75
	Jumlah	237	234	3	98.7

Sumber: LPHS (28 Mei 2014)

2. Namun begitu, masih terdapat penduduk pangsapuri kos rendah yang belum membuat tuntutan rebet air percuma. Jadual kedua di bawah menunjukkan senarai nama pangsapuri kos rendah yang belum membuat tuntutan rebet air percuma setakat 19 Mei 2014 serta hasil tindakan LPHS.

Bil	PBT	Nama Pangsapuri	Catatan
1	MBPJ	Vista Subang	<p>1. COB dan LPHS telah atur pertemuan/mesyuarat untuk perbincangan bersama pihak pengurusan pangsapuri terlibat</p> <p>2. Tindakan terakhir LPHS ialah mengemukakan surat kepada pihak pengurusan pangsapuri yang terlibat pada bulan Mac 2013 di mana sekiranya tiada maklum balas akan dianggap tidak berminat</p> <p>3. LPHS juga tidak pernah menerima aduan daripada penduduk kawasan terbabit.</p>
2	MPSJ	Kampung Seri Aman	
3	MDKL	Sri Pelangi, Tanjung Sepat	

Sumber: LPHS (28 Mei 2014)

3. Secara umumnya, jumlah tuntutan rebet air percuma mengalami peningkatan yang memberangsangkan daripada tahun 2010-2013. Jadual ketiga di bawah menunjukkan jumlah keseluruhan tuntutan Skim SAFWA mengikut tahun setakat Mei 2014:

Bil	Tahun	Jumlah Tuntutan (RM)
1	2010	17, 117.08
2	2011	1, 880, 464.95
3	2012	7, 034, 670.48
4	2013	7, 724, 750.85
5	2014	3, 018, 721.84
	Jumlah	19, 675, 725.20

Sumber: LPHS (28 Mei 2014)

7. PENEMUAN JAWATANKUASA

1. Jumlah tuntutan rebet 20 meter padu air percuma pada tahun 2010 kurang memuaskan kerana kebanyakan penduduk pangsapuri kos rendah mempunyai masalah membuat tuntutan di mana kupon hanya boleh dimanfaatkan jika pemilik mempunyai meter air individu.
2. Sistem Lapor & Dapat yang menggantikan sistem kupon telah mempermudah proses membuat tuntutan di bawah Skim SAFWA supaya penduduk pangsapuri kos rendah menikmati perkhidmatan 20 meter padu air percuma.
3. Program Skim SAFWA amat berkesan dan mencapai objektif pembasmian kemiskinan dengan memberikan perkhidmatan rebet air percuma kepada penduduk miskin yang menduduki pangsapuri kos rendah.

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Ahli-ahli Yang Berhormat berikut telah dilantik menganggotai Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan (JPK-Pembasmian Kemiskinan):

- | | |
|--|-----------|
| i) Y.B.Tuan Haji Saari bin Sungib
(ADN Kawasan Hulu Kelang) | Pengerusi |
| ii) Y.B Tuan Lau Weng San
(ADN Kawasan Kampung Tunku) | Ahli |
| iii) Y.B Puan Haniza binti Mohamed Talha
(ADN Kawasan Taman Medan) | Ahli |
| iv) Y.B. Puan Lai Nyuk Lan
(ADN Kawasan Sungai Pelek) | Ahli |
| v) Y.B. Tuan Kamarol Zaki bin Haji Abdul Malik
(ADN Kawasan Sungai Air Tawar) | Ahli |
| vi) Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad
(ADN Kawasan Seri Setia) | Ahli |
| vii) Y.B. Tuan Razaly bin Hassan
(ADN Kawasan Dusun Tua) | Ahli |

URUS SETIA

- i) Puan Elya Marini binti Darmin
Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)

- ii) Encik Mohd Khairul Ashraff bin Radzali
Ketua Penolong Setiausaha

- iii) Puan Noor Diana binti Razali
Penolong Setiausaha (Dewan)

- iv) Puan Siti Salina binti Muftar
Setiausaha Pejabat

- v) Puan Noor Syazwani binti Abdul Hamid
Setiausaha Pejabat

- vi) Cik Apsara Murale
Pegawai Penyelidik Pejabat Speaker

8. SARANAN JAWATANKUASA

1. Kerajaan Negeri hendaklah memastikan Skim SAFWA dari segi, strategi, objektif dan KPI (Key Performance Indicators) berperanan sebagai satu program dalam pembasmian kemiskinan rakyat negeri Selangor.
2. Kerajaan Negeri perlu meningkatkan penyertaan setiap warga negeri Selangor dalam Skim SAFWA untuk memastikan perkhidmatan rebet air percuma dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh setiap individu.

Penyata ini disediakan oleh Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Pengerusi) Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan (JPK-Pembasmian Kemiskinan). Penyata ini dibincangkan dan diluluskan oleh JPK-Pembasmian Kemiskinan di mesyuarat Jawatankuasa pada 28 Mei 2014.

Disahkan oleh:



.....
YB Tuan Haji Saari bin Sungib

Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan

(JPK-Pembasmian Kemiskinan)

